

# Aktiviti **PPUMS**



## **Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2011**



KOTA KINABALU - Buat julung-julung kalinya Persatuan Pegawai Pengurusan & Profesional Universiti Malaysia Sabah telah mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung dalam suasana meriah bertempat di Hotel Le Meridian pada 24 September 2011. Majlis tersebut dimeriahkan lagi dengan kehadiran Y.Bhg. Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah bersama-sama isteri Prof. Datin Seri Panglima Dr. Ann Anton dan tetamu-tetamu VVIP lain yang terdiri daripada pihak pengurusan tertinggi universiti.

Saban tahun pihak persatuan hanya akan mengadakan majlis berbuka puasa dikalangan ahli, namun pada tahun 2011, majlis tersebut digantikan dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi meraikan ahli yang beragama islam setelah berjuang selama sebulan berpuasa di bulan Ramadhan. Dengan kehadiran ahli daripada pelbagai amalan agama, majlis tersebut dilihat telah mencapai objektif iaitu untuk mengeratkan lagi silaturahmi di kalangan ahli tanpa mengira fahaman agama. Pelbagai hidangan dan juadah tradisional dengan beraneka jenis menambahkan lagi kemeriahan majlis tersebut. Tahniah kepada semua jawatankuasa yang menjayakan majlis tersebut.